



Manfaat 60 minit pulang awal

Menyedari hakikat penjawat awam tulang belulang kerajaan, pelbagai kemudahan dan inisiatif terus diperkenalkan bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan penjawat awam. Antara kemudahan terkini berkuat kuasa 1 Januari penjawat awam wanita lantikan tetap dan kontrak yang mengandungi lima bulan dan ke atas dibenarkan pulang satu jam lebih awal daripada masa bekerja biasa. Pelaksanaan kebenaran pulang awal satu jam bertujuan menjaga kebajikan dan keselamatan penjawat awam wanita itu terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017 Pelaksanaan Kebenaran Pulang Awal Satu Jam Kepada Pegawai Wanita Mengandung yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), baru-baru ini.

Secara umumnya kemudahan ini diberikan kepada semua penjawat awam termasuk yang bekhidmat dalam perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan. Menariknya inisiatif ini turut membenarkan manfaat sama dinikmati suami penjawat awam berkenaan yang bekerja di lokasi berdekatan pulang bersama bagi membantu isteri dalam perjalanan pulang ke rumah. Dalam konteks ini, tafsiran 'lokasi berdekatan' merujuk kepada tempat suami dan isteri bekerja dalam satu bangunan, kompleks atau kawasan yang membolehkan suami dan isteri menaiki kenderaan sama sepenuhnya atau sebahagiannya untuk pulang dari tempat kerja. Menurut pekeling ini juga, penjawat awam boleh dibenarkan menggunakan kemudahan tersebut pada bila-bila masa apabila mengandungi lima bulan atau kandungan berusia 22 minggu dan ke atas.

Untuk rekod selama ini penjawat awam wanita diberikan kemudahan cuti bersalin dan cuti menjaga anak. Cuti bersalin 360 hari diperuntukkan sepanjang tempoh perkhidmatan dan boleh menentukan tempoh cuti bersalin antara 60 hingga 90 hari bagi setiap kelahiran. Di samping itu, cuti menjaga anak tanpa gaji yang bersambung daripada cuti bersalin sehingga lima tahun sepanjang tempoh perkhidmatan serta cuti menjaga anak tanpa gaji yang tidak terikat dengan cuti bersalin terhad sehingga satu tahun sepanjang tempoh perkhidmatan atau sehingga anak mencapai umur lima tahun mengikut mana yang terdahulu juga turut disediakan. Jelasnya segala kemudahan ini memperlihatkan sikap keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan penjawat awam secara keseluruhannya.

Jadi penjawat awam wanita khususnya wajar memanfaatkan kemudahan pulang awal sejam ini

sebaik mungkin. Penulis percaya inisiatif ini akan memberikan impak besar kepada kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan penjawat awam wanita dan seisi keluarganya. Manfaat paling besar dari aspek keselamatan penjawat awam wanita yang usia kandungannya 22 minggu dan ke atas. Hal ini kerana pada usia kandungan ini perubahan fizikal yang ketara pada wanita mengandung sememangnya memerlukan perhatian lebih dan perlu banyak berhati-hati. Jadi dengan adanya kemudahan ini mereka dapat pulang lebih awal dengan tenang apatah lagi jika dapat pulang bersama-sama suami. Percayalah tekanan dan emosi yang tidak stabil akan banyak memberi kesan kepada wanita mengandung dan juga kepada anak dalam kandungannya. Jadi kemudahan ini mampu mengurangkan tekanan sekali gus menstabilkan emosi penjawat awam wanita yang mengandung. Jadi kemudahan ini bukan saja memberi impak positif kepada penjawat awam itu tetapi turut menjaga kebajikan dan keselamatan anak dalam kandungan.

Dengan kemudahan ini juga kita percaya aspek kebahagiaan dalam keluarga dapat dipertingkatkan lagi. Inisiatif ini pastinya memberikan aura positif terhadap hubungan suami isteri serta dengan anak yang lain. Ibu bapa atau sekurang-kurangnya ibu yang dapat pulang awal dapat memberikan perhatian yang lebih kepada anak berbanding sekarang

apabila terpaksa pulang lewat petang dan dalam banyak keadaan tidak dapat memberikan perhatian yang baik kepada kebajikan anak. Hal ini kerana kebiasaannya penjawat awam yang tamat waktu bekerja sekitar jam 5 petang agak sukar untuk sampai ke rumah dengan cepat kerana pasti akan terperangkap dalam kesesakan jalan raya kerana semua orang akan balik kerja pada masa sama. Jadi dengan kemudahan tambahan ini penjawat awam terbabit dapat elak kesesakan jalan raya dan sampai ke rumah lebih awal.

Di samping itu golongan suami yang dapat menikmati kemudahan yang sama juga wajar memanfaatkannya sebaik mungkin. Pastikan kita tidak menyalahgunakan kemudahan ini sehingga mengabaikan kebajikan dan keselamatan pasangan kita. Ingat pihak kerajaan memberikan kemudahan ini kepada suami supaya kita dapat menjaga kebajikan dan keselamatan isteri sehingga selamat bersalin dengan baik. Justeru, kita perlu memikul tanggungjawab itu dengan penuh amanah dan gunakanlah peluang ini untuk terus memantapkan hubungan kekeluargaan antara suami isteri dan juga anak.

Dalam pada itu, kita juga berharap agar kemudahan ini yang menyebabkan penjawat awam yang berkaitan pulang awal sejam sama sekali tidak akan menjejaskan kualiti dan mutu penyampaian perkhidmatan di semua jabatan

kerajaan yang terlibat. Jangan jadikan ini sebagai alasan untuk tidak memenuhi harapan pelanggan mahupun janji kita kepada orang ramai. Untuk memastikan apa jua perkhidmatan yang disediakan tidak terjejas, ketua jabatan perlu menangani situasi ini dengan bijak dan berhemah. Misalnya, jika penjawat awam wanita yang dibenarkan pulang awal itu terbabit dengan skop tugas yang banyak berurusan dengan orang ramai maka perlu ada sistem jadual tugas yang lebih teratur agar tugas berkenaan dapat digantikan anggota lain tanpa sebarang tekanan untuk tempoh sejam tersebut. Bagi skop tugas yang lain pula ketua jabatan juga perlu berbincang dengan pegawai tersebut agar walaupun dibenarkan pulang awal, ada perancangan yang baik supaya kerja tetap dapat diselesaikan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Dalam konteks ini sudah tiba masanya untuk perkhidmatan awam lebih fleksibel dengan memberi fokus kepada kualiti kerja tanpa terlalu terikat kepada waktu bekerja. Ini bermaksud budaya mesti buat kerja dan berada di pejabat dari jam 8 pagi hingga 5 petang wajar diteliti semula. Mungkin sudah tiba masanya untuk memberi kebebasan dan kemudahan kepada penjawat awam agar dapat melaksanakan tugas mereka mengikut kesesuaian mereka asalkan dapat mencapai sasaran (KPI) yang ditetapkan

mengikut tempoh masa diperlukan. Kemudahan bekerja dari rumah misalnya wajar diperluaskan kepada semua jabatan yang bersesuaian.

Pada masa sama kita juga berharap agar pihak swasta akan turut mengikuti jejak langkah kerajaan ini. Pihak swasta juga boleh menyediakan kemudahan yang sama kepada pekerja mereka dengan mengenakan syarat dan kriteria bersesuaian, misalnya pekerja yang mahu menikmati kemudahan ini perlu menyiapkan kerja mereka seperti biasa dan tidak menjejaskan produktiviti syarikat. Malah syarikat swasta juga boleh melaksanakan kemudahan ini sebagai tanggungjawab sosial korporat mereka terhadap kebajikan dan keselamatan pekerja masing-masing. Janganlah terlalu fokus kepada keuntungan semata-mata sehingga kebajikan pekerja terabai.

Semoga kemudahan dapat pulang awal ini dapat memberi manfaat yang baik kepada semua pihak yang terlibat yang akhirnya boleh terus menyumbang kepada peningkatan produktiviti organisasi, memperkasakan kecekapan dalam mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan serta dapat melahirkan keluarga dan masyarakat yang bahagia dan sejahtera.

Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan UPM

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

